

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran
' 1959.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1994.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Probet dan Pentadbiran 1959, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—

Pindaan seksyen 2. Akta 97.

(a) dengan memasukkan selepas takrif "commencement of this Act" takrif yang berikut:

Act 125. "Corporation" means Amanah Rava Berhad, a company incorporated under the *Act* Companies Act 1965 and pursuant to section 3 of the Public Trust Corporation Act 1994;';

b) dengan memotong takrif "Official Administrator"; dan

c) dalam takrif "trust corporation" dengan menggantikan perkataan "Official Administrator or Public Trustee," dengan perkataan "Corporation".

- Pindaan seksyen 23, 39, 45, 48, 49 dan 81.
3. Seksyen 23, subseksyen 39(1), seksyen 45, 48, 49 dan 81 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Official Administrator" dengan perkataan "Corporation".
- Pemotongan.
4. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 46, 78, 79, 80, 82, 83, 84, 85, 87, 88, 89 dan subseksyen 90(2).
- Pindaan seksyen 86.
5. Seksyen 86 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam notabiraidenganmenggantikanperkataan "Public Trustee" dengan perkataan "the Corporation";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dan (2) dengan subseksyen yang berikut:
- "(1) Where upon the conclusion of the administration of the estate of a person dying testate or intestate, there remain in the hands of any personal representative funds of which he is unable to dispose immediately by distribution in accordance with law by reason of the inability of the person entitled to give a discharge, through lack of legal capacity or otherwise, or by reason of any other cause which to the Corporation shall appear sufficient, the personal representative may, if the Corporation consents to accept the same, pay the funds to the Corporation which shall not be required to make any inquiry whether the administration has been conducted in accordance with law, but may accept the same for the benefit of that person and may for the purpose exercise all the powers conferred on the Corporation under section 19 of the Public Trust Corporation Act 1994.
- (2) The receipt of the Corporation may be accepted by the personal representative and shall constitute a full and sufficient discharge in respect of those funds."; dan
- (c) dengan memotong subseksyen (3).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959, kemudian daripada ini disebut "Akta", berikutan dengan penggubalan suatu undang-undang baru yang melaluinya syarikat di bawah nama Amanah Raya Berhad memainkan peranan sebagai Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka.

2. *Fasal 2* bertujuan memotong takrif "Official Administrator" kerana fungsi dan kuasa Pegawai Pentadbir Pusaka di bawah Akta telah diambil alih oleh Perbadanan. Ia juga bertujuan mentakrifkan Perbadanan sebagai suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 di bawah nama Amanah Raya Berhad. Ia selanjutnya bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada takrif "trust corporation" supaya tiada lagi sebutan mengenai Pegawai Pentadbir Pusaka dan Pemegang Amanah Raya.

3. *Fasal 3* bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada pelbagai seksyen dengan menggantikan perkataan "Official Administrator" dengan perkataan "Corporation".

4. *Fasal 4* bertujuan memotong pelbagai seksyen berikutan dengan pemindahan fungsi dan kuasa Pegawai Pentadbir Pusaka kepada Perbadanan

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 86 Akta untuk membolehkan Perbadanan menerima wang yang tidak dapat dilupuskan dengan serta-merta oleh seseorang wakil diri melalui pembahagian setelah selesai pentadbiran harta pusaka seseorang yang mati berwasiat atau tak berwasiat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1830,]